

SENI PERSEMBAHAN SEBAGAI PERKAKASAN RITUAL PENGUBATAN: PALUAN GANDANG DAN TARI SUMAZAU DALAM RITUAL MONOGIT OLEH KADAZAN PENAMPANG DI SABAH

*Performing Arts as Healing Ritual Tools: Drum Beating and Sumazau
Dance in Monogit Ritual of Penampang Kadazan of Sabah*

Hanafi Hussin

ABSTRACT

This article discusses how performing arts are used as tools in the *monogit* healing rituals of the Penampang Kadazan of Sabah. The *monogit* ritual is one of traditional Taqwim rice rituals. It is usually done for two or three years at a time or when someone in the community is ill or distressed. The ritual is implemented to ensure that the house spirit guardian (*miontong*) is at peace to make sure that everything will be as normal as usual. This ritual takes about four days and three nights administered by female traditional healers known as *bobohizan* headed by *Bohungkitas*.

The *gandang* beat which leads the gong music known as *sompogogungan* (consisting of six gongs) together with the *sumazau* dance becomes part of the ceremony. The combination of the *gandang* beat with *sompogogungan* is believed to connect humans with the supernatural world. It is done by the *bobohizan* while reciting the mantra (*inait*) as the *bobohizan*'s escort to the supernatural world to meet, surprise and provoke the evil spirit to ask them to return the imprisoned human spirit. A dish known as *pamanta* is provided in the stage by stage performance according to *pason* (message/to inform), *matang* (awakening of the spirit), *tumingak* (provoking of the spirit), *sayak* (calling of the imprisoned spirit), *mihung* (calling to come closer), and *sumonson* (inviting to enjoy the dish).

The *pamanta* gift is also done according to the process and certain sequence while the *bobohizan* does specific movements of the *sumazau* dance such as *magampa* (collection of illnesses), *mundang* (entertainment preparation), *pasasazau do miontong* (food serving), *hoputan* (return of the spirit) and *monoinig* (collection of imprisoned spirits). At certain times, the *bobohizan* who is under the appearance of *sumazau* is in a trance or has been possessed by *miontong* (*nosuang*) when her body moves strongly, full of energy and unusual. At this time, all the good and evil spirits are believed to be being entertained by the *miontong* which is the highlight of the ritual.

Thus, the *gandang* beat from *sompogogungan* and the *sumazau* dance that have become important tools in the *monogit* ritual do not only combine elements of the Kadazan Penampang community's traditional performing arts in the healing ritual but empower performing arts as a ritual tool. The dependence of healing ritual such

as *monogit* to the presence of a traditional healer (*bobohizan* and *bohunkitas*), dish (*pamanta*), *gandang* beat, *sompogogungan* music and *sumazau* dance, very clearly empowers the ritual and traditional performing arts.

Keywords: Monogit, miontong, sompogogungan, healing ritual, and sumazau dance

PENGENALAN

Hubungan budaya ekspresif dengan identiti khususnya seni persembahan masyarakat Kadazan Penampang amat kuat. Seni persembahan yang melibatkan muzik dan tari *sumazau* menjadi warisan budaya yang kekal hingga ke hari ini. Muzik dan tarian tradisi mereka adalah yang diangkat dari budaya penanaman padi iaitu perlakuan ritual khususnya *monogit* dan *magavau*. Ritual yang merupakan fenomena biasa bagi kehidupan masyarakat lain di dunia sebagai persembahan yang terhasil daripada *twice-behaved behaviors* dan *restored behaviors*¹ iaitu perlakuan atau persembahan aksi-aksi dengan masyarakat mempelajari dan berlatih untuk melaksanakannya semula. Sebuah persembahan juga didefinisikan sebagai semua aktiviti dengan pemainnya diberikan tanggungjawab membuat perlakuan untuk mempengaruhi peserta-peserta lain dalam apa cara sekalipun.² Sesuatu aksi yang dibentuk sebelum, semasa persembahan atau dimainkan pada peristiwa lain boleh dipanggil bahagian (*part*) atau perlakuan biasa (*routine*). Istilah ini boleh dihubungkan dengan struktur yang umum iaitu apabila seseorang melakukan persembahan, mereka memainkan *part* kepada penonton yang sama dalam peristiwa yang berbeza yang mewujudkan perhubungan sosial. Peranan sosial merupakan enakmen terhadap hak, tanggungjawab serta status bahagian atau *part* tersebut. Setiap bahagian yang berlainan itu mungkin dipersembahkan oleh seseorang yang melakukannya dalam sesuatu peristiwa kepada sebilangan penonton yang sama atau berlainan.³ Oleh itu, perhubungan antara mereka yang melakukan dan menyertai persembahan adalah sangat erat khususnya dalam konteks sosial.

Perlakuan ritual yang dilakukan oleh masyarakat yang diketuai oleh pawang-pawang atau pakar ritual merupakan perlakuan yang tidak asing dengan masyarakatnya. Namun demikian, bahagian-bahagian yang dipersembahkan dalam ritual adalah bersifat sakral untuk semangat di alam spiritual yang sememangnya tidak asing dengan masyarakat sekelilingnya sebagai sebahagian daripada amalan kebiasaan kehidupan mereka malah kadang-kadang ia dilaksanakan oleh pawang-pawang atas permintaan mereka apabila wujudnya krisis. Bagi Victor Turner⁴ krisis (*crisis*) mewujudkan drama yang bermula daripada perpecahan (*breach*) ataupun konflik dalam masyarakat, keluarga, kumpulan kerja, kampung, komuniti, negara dan sebagainya. Perpecahan atau konflik yang mewujudkan krisis (*crisis*) ini tidak dapat dielakkan dan mesti diselesaikan yang memerlukan tindakan segera (*redressive actions*) melalui penyatuan semula (*reintegration*). Penyatuan boleh berlaku dalam dua bentuk iaitu melalui proses penyembuhan (*healing*) terhadap krisis atau menyatupadukan masyarakat yang berpecah belah (*schismogenesis*) dalam bentuk meraikan kejayaan yang telah dipersetujui dilakukan bersama mengikut taqwimnya yang akhirnya menjadi sebuah ritual. Ritual yang bersifat sakral merupakan persembahan yang mengandungi puji-pujian berbentuk mantera, paluan alat muzik dan tarian seperti yang terdapat dalam ritual *monogit*.

Persembahan ritual *monogit* yang mengandungi elemen-elemen seni persembahan khususnya paluan *gandang*,⁵ *sompogogungan* dan tarian *sumazau* sangat signifikan dan menjadi antara perkakas utama ritual. Paluan *gandang* dan *sompogogungan* sebagai tanda isyarat, penghubung, memberitahu dan menjemput semangat untuk menyertai ritual di mana tanpanya ritual tidak lengkap. Tarian *sumazau* pula dilakukan semasa para *bobohizan* menjamu sajian serta menghibur semangat-semangat tersebut sebagai tanda menerima dan puas dengan ritual yang dijalankan. Oleh kerana berpuas hati dengan sajian (*pamanta*), muzik dan tarian tersebut, semangat akan memulangkan semua roh atau semangat manusia yang dilarikan oleh mereka, maka segala penyakit dapat dipulihkan. Bagi masyarakat ini, seni persembahan begini adalah suci kerana melibatkan kepercayaan dan pegangan adat yang kuat dilakukan dengan serius dan tertib. Persembahan ini mempunyai strukturnya yang khusus dengan setiap perlakuan dalam ritual mempunyai fungsi dan maknanya. Perlakuan-perlakuan oleh *bobohizan* dalam persembahan ini juga sangat signifikan dalam budaya Kadazan yang menjadi penanda identiti. Elemen-elemen persembahan dalam ritual ini diwarisi oleh generasi kini dengan muzik *sompogogungan* dan tari *sumazau* terus dimainkan dan ditarikan yang sesungguhnya amat tinggi nilai seninya.

Peranan *gandang* dan *sompogogungan* dikenal pasti dalam segmen-segmen yang tertentu manakala tarian *sumazau* dilakukan oleh ahli keluarga yang menari untuk bersukaria sambil minum air tapai serta *sumazau* para *bobohizan* semasa segmen-segmen *magampa*, *mundang*, *pasasazau do miontong*, *hoputan* dan *monoinig*. Kesemuanya memperagakan aksi-aksi pemujaan, menghalau, membuang serta menjamu sajian kepada semangat. Frasa-frasa tari yang dibentuk dari gerakan-gerakan yang khusus mempunyai makna-maknanya yang tersendiri seperti mengetuk alat-alat ritual untuk menghalau dan membuang penyakit, kecelakaan dan sial, menghidangkan serta memberi makan kepada semangat yang dilakukan dalam bentuk *sumazau*. Kebanyakan gerakan tari *sumazau* tersebut turut diadaptasikan dalam tarian *sumazau* bukan ritual khususnya gerakan-gerakan asas dan koreografi. Tarian *Sumazau Penampang* yang berkembang pada hari ini di kalangan masyarakat Kadazan Penampang dan masyarakat lain di Sabah sangat erat hubungannya dengan ritual padi khususnya *monogit*.

PALUAN GANDANG SEBAGAI PENANDA ISYARAT, PEMBERITAHUAN DAN JEMPUTAN UNTUK SEMANGAT ALAM SPIRITUAL

Gandang memainkan peranan penting dalam pelbagai ritual. Ia dipercayai mempunyai semangat yang dipanggil *dahau* merupakan alat untuk menghubungi semangat-semangat yang terdapat di alam spiritual. *Gandang* Penampang bermuka dua diperbuat daripada kayu bulat berkualiti tinggi seperti kayu nangka yang dilubangkan di tengah-tengahnya. Kedua-dua belah mukanya ditutup dengan kulit terutamanya kulit kambing yang diikat sekelilingnya dengan rotan dan diselang-seli dengan pasak kayu yang berfungsi sebagai penegang kulit dan sebagai alat *tuning* atau untuk tiunan. *Gandang* tersebut dipalu pada sebelah muka dengan pemalu yang diperbuat daripada pelepah kelapa bersalutkan lilin.⁶

Gandang sangat penting dan bertindak sebagai ketua kepada gong gantung yang dipanggil *sompogogungan* khususnya paluan muzik *sumazau* Penampang. Namun demikian, dalam ritual *monogit*, *gandang* sangat penting iaitu alat yang menyegerakan perhubungan manusia dengan semangat. Paluan *gandang* sebagai pembuka tirai kepada ritual dan seterusnya dalam segmen-segmen yang telah ditetapkan untuk memberi pesan atau *pason* kepada para semangat, membangunkan semangat untuk mengikuti ritual, membawa balik semangat manusia yang dikurung oleh semangat jahat, pengiring *bobohizan* ke alam spiritual menemui semangat-semangat jahat serta sebagai alat yang membantu semangat untuk mengikuti ritual dan menikmati sajian. Semua bentuk perhubungan tersebut tidak kelihatan secara fizikal kerana ia merupakan perlakuan yang bersifat simbolik. Proses paluan *gandang* ini dapat dibahagikan kepada enam segmen yang jelas iaitu *pason*, *matang*, *tuningak*, *savak*, *mihung* dan *sumonson*.

Pason

Pason (gambar 1) merupakan proses paluan *gandang* untuk memberitahu kepada para semangat tentang ritual *monogit* yang hendak dijalankan. Para semangat yang berada di alam spiritual baik yang berada di awan (*savat*), halaman rumah (*datad*), sawah padi (*danau*) dan rumah (*hamin*) akan mendapat isyarat bahawa ritual *monogit* akan dijalankan. Paluan *gandang* akan mengejutkan para semangat dan mereka diberitahu melalui mantera (*inait*) oleh para *bobohizan*. Paluan *gandang* untuk tujuan *pason* ini boleh dilakukan oleh pemalu *gandang* yang bukan terdiri daripada *bobohizan* misalnya dalam ritual *monogit* pada tahun 2001 dan 2004 di Kampung Kitauu, Penampang dipalu oleh Maman Biujin bin Tulus yang merupakan suami kepada Inai Gusiti iaitu salah seorang *bobohizan* yang terlibat. *Gandang* yang dipalu pada masa ini adalah mengikut irama *sumazau*. Ia merupakan paluan *gandang* yang pertama dan juga sebagai tanda bermulanya ritual *monogit*. *Gandang* ini dipalu serentak semasa nasi yang baru dimasak dituangkan ke dalam nyiru (*kohintung*). Nasi ini digunakan untuk dijadikan tapai atau *sinasadan*. Pada masa yang sama juga, *bobohizan* yang memulakan proses *sinasadan* tersebut melafazkan mantera (*inait*) mereka.

Matang

Matang (gambar 2) merupakan proses menghidupkan semangat alat-alat utama ritual seperti beras, *sindavang*⁷, *gandang* serta peralatan-peralatan ritual lain oleh ketua *bobohizan* atau *bohunkitas*. Beras dan *sindavang* ini mulanya diletakkan di atas permukaan *gandang* (*soibou*) bertujuan untuk memberikan semangat kepada kedua-dua alat tersebut. Ia bermula dengan semangat *gandang* tersebut dihidupkan terlebih dahulu dan dipuja hingga naik ke atas (ke alam spiritual). Apabila dirasakan ia sudah sampai ke alam spiritual semangat *gandang* ini akan memberitahu kepada semangat-semangat lain agar tidak terperanjat malah dijemput menyertai ritual tersebut. Semangat-semangat manusia yang telah dikurung oleh semangat-semangat jahat yang lain juga akan diberitahu bahawa mereka akan dipanggil balik. Pada masa yang sama juga semangat beras dan *sindavang* turut dihidupkan.

Setelah melafazkan *inait* beberapa ketika *bohunkitas* meletakkan beberapa butir beras di atas permukaan *gandang* dan memukulnya serta mengunyah beras tersebut. Beliau turut memberikan beberapa butir beras kepada *bobohizan* yang lain untuk turut di kunyah. Beras itu dipercayai telah dimasuki semangat dan

simboliknya ia memasuki kepada alam spiritual sebagai alat pertukaran dengan para semangat. Pada masa yang sama *sindavang* yang diletakkan di atas *soibau* turut dimasukkan semangat. Semangat *sindavang* sangat penting untuk dihidupkan kerana ia merupakan alat utama untuk mengiringi *bobohizan* di sepanjang ritual. Ia juga menjadi alat yang sentiasa menemani *bobohizan* dalam perjalanan mereka berjumpa semangat dan membantu *bobohizan* melengkapkan kerja-kerja ritualnya. Ketua *bobohizan* (*bohungkitas*) dan *bobohizan-bobohizan* lain menyapu-nyapu *sindavang* ke muka mereka dan hujung *sindavang* juga dimasukkan ke dalam mulut sambil melafazkan *inait*. Secara simboliknya semangat yang telah masuk ke dalam *sindavang* tersebut turut masuk ke dalam badan setiap *bobohizan*. Dengan itu semangat akan sentiasa mengiringi *bobohizan* di sepanjang ritual.

Tumingak

Tumingak (gambar 3) dilakukan setelah peralatan ritual dimasukkan semangat dalam acara *matang*. Pada waktu ini *bobohizan* juga turut mempunyai semangat kerana beras yang dimakan serta *sindavang* yang sentiasa berada dengan *bobohizan* juga telah dimasukkan dengan semangat. Selepas itu, semangat-semangat yang ada di sekeliling dan juga yang berhampiran dengan tempat ritual boleh dibangunkan dan begitu juga dengan peralatan-peralatan ritual yang lain akan turut dibangunkan. Jika semangat tersebut tidak dibangunkan, ia akan mendatangkan masalah kepada orang ramai dan akibatnya boleh mendapat sakit. Proses ini akan dapat menghalang semangat jahat daripada datang mengganggu baik semasa mahupun selepas ritual dijalankan. Antara semangat peralatan lain yang diberi kuasa adalah pakaian *bobohizan*, kain sarung (kain *tapi'*), pedang (*padang*), *sovion*⁸, tempayan-tempayan kecil (*tajau-tajau* kecil), rantai, *kohintung* dan lain-lain (gambar 4). Apabila peralatan tersebut telah diberi kuasa, ia akan menangkis semangat jahat daripada datang mengganggu peralatan ritual tersebut. Acara *tumingak* ini dilakukan oleh seorang *bobohizan* dengan memalu *gandang* sambil melafazkan *inait* dan pada masa yang sama *bobohizan* yang lain melakukan tugas-tugas ritual yang lain. Pada masa ini posisi *gandang* dibaringkan dengan sebelah muka dipalu. Acara *tumingak* ini berlangsung lebih kurang setengah jam kemudian diikuti dengan acara *savak*.

Savak

Savak ialah proses melafazkan *inait* sambil memalu *gandang* untuk memanggil semangat yang tertinggal (*monoinig*) semasa acara *tumingak*.⁹ Apabila dapat dikesan akan perkara tersebut, *bobohizan* senior akan memanggil semangat yang tertinggal tersebut. Tujuan *savak* adalah untuk mengelakkan semangat yang tertinggal itu daripada berkecil hati, merajuk atau marah dan ini dapat mengelakkan mereka mengganggu ritual. Pada masa ini juga semangat yang berada di *savak* (awan) dipanggil dan dijanjikan dengan sajian yang istimewa. Semangat yang dipanggil ini adalah *ponondui/pongahat* yang merupakan ketua semangat jahat yang mengurung semangat manusia. Dengan sajian yang dihidangkan semangat ini dipercayai akan melepaskan penyakit tersebut dan akhirnya manusia akan kembali pulih. Jika ia tidak dijamu dengan sajian-sajian, maka semangat atau penyakit manusia yang dikurung tidak akan dilepaskan dan boleh menyebabkan manusia lama-kelamaan mati.

Keutamaan yang diberikan dalam proses *savak* ini adalah untuk memanggil semangat *ponondui* tersebut. Setelah dijanjikan dengan pelbagai sajian, *ponondui*

akan memberitahu semangat-semangat jahat di bawah kawalannya bahawa manusia yang diketuai oleh *bobohizan* sedang menawarkan perundingan dalam bentuk sajian ritual kepada mereka. Proses *savak* ini dilakukan dengan paluan *gandang* oleh *bobohizan* sambil melafazkan *inait* yang memakan masa lebih kurang setengah jam. Memandangkan *Bobohizan* yang melakukannya merupakan seorang yang berpengalaman, beliau dapat memanggil semangat yang tertinggal tersebut dengan jayanya. Mereka akan bertemu dengan semangat-semangat tersebut dalam acara yang dipanggil sebagai *modsuut* antara jam 1.30 – 5.30 pagi. Sepanjang pemergian *bobohizan* dalam acara *modsuut* ini, muzik *sompogogungan* (gambar 7) yang diketuai oleh *gandang* dipalu tanpa henti. *Gandang* dipalu lagi pada jam 8.30 pagi menandakan persiapan-persiapan ritual berikutnya dijalankan dan semangat yang telah ditemui dalam *modsuut* dipanggil untuk menghampiri kawasan ritual yang dipanggil *mihung*.

Mihung

Mihung (gambar 5) biasanya dilakukan pada waktu pagi selepas matahari terbit¹⁰ iaitu selepas babi dibawa masuk ke tempat ritual. *Mihung* dilakukan dengan melafazkan *inait* sambil memalu *gandang*. Proses *mihung* adalah proses memanggil semua semangat untuk turun dan mendekati kawasan ritual. Dalam proses ini *bobohizan* akan memberitahu semangat yang berada di halaman rumah (*datad*) dan sawah padi (*danau*) diikuti kepada semangat yang berada di awan (*savat*). Dengan paluan *gandang* dan *inait* para semangat ini diberitahu sekali lagi dan dijemput datang. Ia dilakukan di hadapan babi yang merupakan tempat semua semangat makan sajian (*pamanta*) secara besar-besaran yang disaji oleh *miontong* dalam segmen *pasasazau do miontong*. *Mihung* dilakukan dalam masa setengah jam oleh *bobohizan* senior. *Gandang* pada masa ini adalah pada posisi baring dan dipalu pada sebelah muka oleh *bobohizan* sambil melafazkan *inait*. *Mihung* diikuti dengan proses *mindau do tana'* iaitu proses membuang mimpi buruk (*monguzas*) dan membuang penyakit serta perkara tidak baik (*momihangga*) yang dilakukan sambil *bobohizan* menari *sumazau* yang dipanggil proses *magampa*. Setelah kesemua segmen tersebut selesai, sajian (*pamanta*) dihidangkan yang dimulai dengan paluan *gandang* yang dinamakan *sumonson*.

Sumonson

Sumonson (gambar 6) adalah proses memanggil semua semangat yang berada di kawasan atau tempat ritual untuk menikmati sajian yang akan dihidangkan. Proses ini dilakukan dengan melafazkan *inait* dan paluan *gandang* selama lebih kurang setengah jam. Pada masa ini juga semangat yang berada jauh dari kawasan ritual sama ada di kawasan hutan atau pinggir kampung juga dipanggil oleh *bohungkitas* yang menggunakan *kombuongoh*. Semasa *sumonson* ini dilakukan, satu persatu alat *pamanta* dibawa ke tempat ritual dan disajikan. Antara sajian yang dibawa masuk adalah *sinasadan*, semangkuk nasi dengan hati dan pedal ayam, *sovion*, *saging* (sebakul padi), beras, *hamak*, pakaian *miontong* (baju, daster, *himpogot*, tali pinggang perak, butang baju emas), *talak* (dalam *tajau*), *sisir* (sikat), *montoku* (tiga gelas), telur rebus (lima biji) dan separuh ayam rebus. Setelah *sumonson* selesai, diikuti acara kemuncak ritual iaitu persiapan *bobohizan* untuk menyediakan *pamanta* yang dipanggil sebagai *mundang* sambil menari *sumazau* yang diikuti pemberian makanan kepada semangat iaitu *pasasazau do miontong*.

Gandang ternyata memainkan peranan yang penting dalam ritual *monogit*. Selain itu, *gandang* juga turut mengiringi *sompogogungan* di sepanjang ritual dijalankan. Peranan *gandang* dalam ritual *monogit* berakhir pada acara kemuncak tersebut. Ternyata bahawa peranan *gandang* dalam ritual sangat utama dan signifikan. Sebagai alat utama dan perkakasan seni persembahan dalam ritual, semangatnya mula dihidupkan oleh *bobohizan* yang menjadi kemestian ritual ini. Oleh itu, tanpa *gandang* ritual tidak boleh dimulakan dan perhubungan antara manusia dan semangat tidak dapat dijalankan.

SOMPOGOGUNGAN SEBAGAI PEMANGKIN PERHUBUNGAN MANUSIA DAN SEMANGAT

Sompogogungan (gambar 7) juga merupakan alat yang penting dan dianggap sebagai pemangkin dan pelengkap ritual padi, *monogit* dan *humabot*. Dalam konteks ritual *monogit* segmen untuk memanggil semangat (*modsuut*) dan menghadirkan jamuan kepada semangat (*mundang* dan *pasasazau do miontong*) paluan *sompogogungan* yang diketuai oleh *gandang* adalah satu kemestian. *Sompogogungan* juga mempunyai semangat yang kuat dan kuasanya bertambah apabila setiap kali dipalu kerana pada masa ini para semangat dipanggil dan dipuja oleh para *bobohizan*. Paluan *sompogogungan* ini juga mengiktiraf kehadiran para semangat. Oleh itu, setiap kali *sompogogungan* dan *gandang* dipalu, ia merupakan tanda berlakunya kemuncak ritual iaitu interaksi antara alam nyata dan alam spiritual secara simbolik. Ia juga menandakan wujudnya komunikasi antara semangat dan manusia.

Sompogogungan ini terdiri daripada enam biji gong (idiophones) gantung yang mempunyai nama dan peranannya yang diketuai oleh *gandang* (membranophones)¹¹ Penampang. Ia terdiri daripada 3 biji gong jenis nipis yang dipanggil *canang* dan 3 biji gong lebar dan tebal yang dipanggil *tawag*.¹² Gong-gong ini dipercayai dibuat sama ada di selatan Filipina ataupun di Brunei. Bahan-bahan yang digunakan untuk membuat gong adalah berbeza-beza sama ada daripada logam seperti tembaga, besi ataupun campuran. Bunyi gong yang paling baik dipanggil *mi'angkung* yang diperbuat daripada campuran tembaga bermutu tinggi dengan emas dipanggil gong *Kimanis* buatan negara Brunei.¹³

Gambar 1: Paluan *pason* untuk mengejutkan dan memberitahu ritual *monogit* bermula.



Gambar 2: Paluan *matang* - proses memasukkan semangat kepada peralatan utama ritual.



Gambar 3: Paluan *tuningak* untuk membangunkan semangat peralatan ritual.



Gambar 4: Antara Peralatan Ritual *Monongit*.



Gambar 5: Paluan *mihung* untuk memanggil semangat datang menghampiri tempat ritual.



Gambar 6: Paluan *sumonson* untuk menjemput semangat masuk dan menikmati sajian (*pamanta*).



Gambar 7: *Sompogogungan* – alat muzik mengiringi sepanjang ritual *monogit*.



Gambar 1-7: Kajian lapangan pengkaji.

Gong-gong gantung yang membentuk ensembel *sompogogungan* ini sangat berpengaruh di kalangan masyarakat Kadazan Penampang. Secara umum nama-nama diberi kepada gong-gong ini dan ia berbeza antara satu kampung dengan kampung yang lain iaitu *sasalakan*, *nananangon*, *hahambatan*, *hohotungon*, *tontoongan* dan *tatavag*.¹⁴ Masyarakat Kadazan Penampang menamakan set gong mereka dengan nama *sasalakan*, *nananangon*, *hahambatan*, *hohotukon*, *kukulimpoon* dan *tatavag* yang lebih selesa dinomborkan dengan nombor 1-6;

- No. 1: *Sasalakan* – bertingkah dengan gendang dengan pukulan yang laju
- No. 2: *Nananangon* – mempunyai ritma – dan paling sukar
- No. 3: *Hahambatan* – dipukul berterusan satu demi satu – sepanjang lagu
- No. 4: *Hohotukon* – seperti bunyi ketukan
- No. 5: *Kukulimpoon* – mengikut atau balas *hohotukon*, juga diguna untuk tanda berhenti
- No. 6: *Tatavag* – “besar”

Nilai-nilai kesucian yang dimanifestasikan dalam ritual telah menjadikan set gong *sompogogungan* ini sebagai pemangkin yang sangat bermakna bagi hubungan manusia alam nyata dan semangat di alam spiritual. Keberadaan *sompogogungan* yang sangat signifikan ini menjadikan ia sebagai lambang kemegahan masyarakat Kadazan dan turut menjadi lambang identiti mereka.

TARIAN SUMAZAU SEBAGAI JAMBATAN DAN PENGESAHAN KEHADIRAN SEMANGAT DALAM RITUAL

Sumazau bagi komuniti Kadazan di Penampang merupakan perbuatan untuk menari. Ia dipercayai dari akar kata *sazau* bererti tari dan *sumazau* pula bermaksud menari manakala bahasa Kadazan, *sumazau* bererti mari menari. *Sumazau* juga menjadi repertoire tari Kadazan Penampang dan ia menjadi identiti Kadazan yang khas. Ia mempunyai gerak-gerak yang tersendiri iaitu gerakan tangan dan kaki yang membentuk frasa tari-frasa tari yang tertentu. Pada masa kini, *sumazau* Penampang lebih popular sebagai tarian sosial, namun pada hakikatnya *sumazau* dalam ritual seperti *monogit* dan *humabot* berfungsi sebagai tarian sakral yang berhubungan dengan pemujaan terhadap semangat. Oleh itu, terdapat dua keadaan di mana *sumazau* ditarikan iaitu dalam ritual yang sifatnya fungsional dan dalam acara-acara sosial.¹⁵ Dalam konteks ritual, *sumazau* dipanggil *kuminod* yang bermaksud tarian untuk semangat di alam spiritual. *Sumazau* ritual adalah satu bentuk perhubungan dan jambatan antara semangat dan manusia yang ditarikan oleh *bobohizan*. Masyarakat Kadazan pada masa kini mengambil asas-asas gerak *kuminod* tersebut dan dijadikan tarian pergaulan. Dengan proses adaptasi dan difusi, maka gerak-gerak *sumazau* Penampang yang dikembangkan pada hari ini disesuaikan dengan konsep tari untuk pergaulan dengan aksi-aksi *sumazau* dalam ritual telah dijadikan bahan koreografinya.

Sumazau ritual ditarikan oleh *bobohizan* dengan iringan *sompogogungan* yang dikenali dengan paluan muzik *sumazau* Penampang yang juga bertujuan untuk menandakan interaksi di antara manusia dan semangat di alam spiritual bagi menunjukkan wujudnya perdamaian di antara mereka. Dengan berlangsungnya

upacara menghidangkan pelbagai jenis makanan seperti ayam rebus, babi dan minuman tradisi yang terdiri daripada air tapai, *montoku*, *bahar* dan *lihing* menunjukkan bahawa manusia inginkan perdamaian dan simboliknya dilihat kepada *bobohizan* yang makan dan minum sebahagian daripada jamuan tersebut seolah-olah ia dimakan oleh semangat-semangat tersebut. Melalui aksi-aksi persembahan tarian *sumazau* seolah-olah para semangat berpuas hati dengan hidangan dan sajian yang dipersembahkan kepada mereka dan akan memenuhi permintaan *bobohizan* yang juga menandakan wujudnya satu perjanjian simbolik di antara manusia dan semangat.

Sajian (*pamanta*) dihidang untuk semangat yang sudah siap berbaris menunggu dalam segmen *mundang* sambil *sumazau*. Kemudian diikuti dengan *bobohizan* memberi makanan tersebut kepada para semangat sambil *sumazau* dalam keadaan tidak sedarkan diri (*nosuang*) yang dipanggil sebagai *pasasazau do miontong*. Masa ini secara simboliknya *miontong* yang menari dan memberi makan kepada semangat kerana ia berada dalam badan *bobohizan*. Pada masa ini menandakan kemuncak ritual yang secara simboliknya menunjukkan bahawa interaksi antara manusia dan para semangat sedang berada di kemuncaknya dengan manusia mengiktiraf kehadiran para semangat yang dijemput melalui paluan *gandang* dan *inait* yang dilafazkan dalam segmen-segmen terdahulu.

Sumazau yang pertama adalah pada masa acara *momihangga*¹⁶ khususnya semasa melakukan *magampa* iaitu membuang mimpi buruk, penyakit dan bencana yang menimpa keluarga dan masyarakat kampung. *Sumazau* yang kedua dilakukan semasa menghidangkan dan mempersembahkan sajian (*pamanta*) kepada para semangat yang dimulai dengan *sumazau mundang* dan diikuti dengan *pasasazau do miontong* iaitu ketika proses pertukaran sajian dan pemulihan antara manusia dan para semangat dan *sumazau* terakhir iaitu menghantar pulang semangat ke tempat asal mereka yang dipanggil *hoputan*.¹⁷ Secara keseluruhannya *sumazau* dalam ritual *monogit* terdiri daripada *sumazau magampa*¹⁸, *sumazau mundang*¹⁹, *sumazau miontong* (*pasasazau do miontong*)²⁰ dan *sumazau hoputan*.²¹

Sumazau Magampa

Magampa (gambar 8) merupakan segmen yang terdapat dalam *momihangga* yang merupakan proses perjanjian dan sumpah antara *bobohizan* dengan para semangat. Perjanjiannya adalah bahawa jika semua masalah yang membawa kepada ritual *monogit* dilakukan itu berjaya maka para semangat akan disajikan dengan makanan dan minuman kesukaan mereka. Proses ini dilakukan secara simbolik di mana *bobohizan* melakukan aksi seperti memecahkan permasalahan iaitu mimpi buruk (*moguzas nipi talaat*), penyakit, hilang semangat dan sebagainya dengan mengetuk buluh, mencucuk-cucuk pesakit dengan pedang (*padang*) dan menendang-nendang. Kesemua gerakan tersebut dilakukan sambil menari *sumazau*. Tujuan ia dilakukan adalah untuk membersihkan dan membuang penyakit pada badan dan bencana serta malapetaka yang menimpa tuan rumah dan tanaman padinya. *Magampa* dilakukan dengan *bobohizan* memakai sarung hitam atau kain tapi' berloceng yang diiringi oleh muzik *sompogogungan*. Kesemua *bobohizan* memegang peralatan atau props ritual yang utama iaitu *sindavang*, *padang* serta alatan tambahan seperti buluh (*tangkaba*) dan ayam jantan.

Acara *magampa* ini dimulakan dengan ahli keluarga dan orang ramai berkumpul di tengah rumah dan kemudian ditutupi dengan kain oleh salah seorang *bobohizan* sambil *sumazau*. Gerakan tari *sumazau* yang dilakukan dipanggil sebagai

momohipud iaitu menari gerakan asas *sumazau* sambil melompat-lompat kecil. Gerakan *momohipud* dilakukan dengan menggeselkan kaki keluar seolah-olah mengeluarkan sesuatu dari lantai yang juga dipanggil sebagai gerakan *modsoladu* iaitu menguisikan penyakit keluar dari orang-orang yang duduk berkumpul di bawah kain yang direntang di atas mereka.

Pada masa yang sama, seorang lagi *bobohizan* turut menari *sumazau* dengan membawa *padang* mengelilingi orang-orang tersebut mengikut arah pusingan jam sambil melafazkan *inait*. Pada masa yang sama *bohungkitas* mengambil ayam jantan dan *padang* serta menari *sumazau* di depan pintu. Ayam dan *padang* ditunjukkan ke arah pintu seolah-olah menunjukkannya kepada semangat yang berada di luar rumah. Ia juga bermakna mengajak semangat di luar untuk masuk ke tempat ritual di mana sumpah akan dilakukan dengan ayam tersebut dijadikan hidangan buat mereka. Perlakuan ini dipanggil sebagai *moguzas* bertujuan untuk memusnahkan mimpi buruk yang dikawal oleh semangat. Dengan itu, proses masa ini akan dapat mengembalikan keadaan yang normal bagi tuan rumah dan masyarakat kampung.

Bohungkitas dan dua orang *bobohizan* meneruskan aksi mereka dengan meletakkan nyiru (*kohintung*) di atas kepala orang-orang di bawah hamparan kain tersebut dan salah seorang *bobohizan* mengambil buluh panjang (*humbising*) dan menghalakannya ke arah *kohintung* yang secara simboliknya menusuk-nusuk penyakit, mimpi buruk serta musibah yang dipanggil *monokom do toluwa*. Aksi-aksi ini dilakukan sambil *sumazau* serta melafazkan *inait*. Manakala seorang lagi *bobohizan* sambil *sumazau* menghala *padangnya* sambil melakukan aksi mencencang sesuatu seolah-olah mencencang mimpi buruk, penyakit dan mala petaka sambil melafazkan *inait*. Perlakuan mereka bertiga ini dipanggil sebagai *mogihik do sakit* di mana semua penyakit dipanggil dan dikumpulkan serta dimasukkan ke dalam ayam jantan yang dipegang oleh *bohungkitas*. Beliau *sumazau* mengelilingi orang-orang tersebut sambil menghayun-hayunkan ayam jantan dan sekali-sekala menyapu-nyapunya kepada orang-orang tersebut yang simboliknya mengumpul segala mimpi buruk, penyakit dan mala petaka yang dipecahkan oleh ketiga-tiga orang *bobohizan* sebentar tadi. *Bobohizan* meneruskan *sumazau magampa* dengan mematahkan *humbising* lebih pendek menjadi *tangkaba* lalu mengetuk-ngetuknya (*mogundosi*) di atas kepala orang-orang tersebut yang bertujuan untuk menakutkan hantu dan segala penyakit yang ada.

Apabila kesemua *bobohizan* telah melakukan tugas masing-masing, mereka berkumpul berdekatan *Bohungkitas* untuk acara sumpah (*mintau*) dengan para semangat. Ayam jantan diletakkan di atas *kohintung* dan balungnya dipotong oleh *bohungkitas* sambil melafazkan *inait* dalam aksi *sumazau*. Sumpah yang dimaksudkan adalah perjanjian bahawa, para semangat jahat harus meninggalkan badan manusia dan sebagai balasan, mereka akan disajikan dengan sajian-sajian yang istimewa. Selanjutnya, darah ayam tersebut disentuhkan (*iduok/ivoango*) kepada orang-orang di bawah kain sambil *sumazau* yang bermaksud membersihkan (*cleansing*) dan membuang penyakit atau menghapuskan kecelakaan yang dipanggil *muzas*. Gerakan *sumazau* yang dilakukan semasa segmen ini adalah gerak *modsoladu*. Setelah selesai, kesemua *bobohizan* menyambung *sumazau* mereka disertai dengan peralatan masing-masing seperti sebelumnya dan mengangkat serta melipat kain batik yang direntang atas kepala orang-orang tadi. Kain batik tersebut dikibaskan ke lantai hingga ke dapur (*mongimuau*) sebagai simbolik menyapu segala mimpi buruk, penyakit dan malapetaka yang masih tertinggal di situ dan ini menandakan berakhirnya segmen *magampa*.

Sumazau Mundang

Segmen *mundang* (gambar 9) dilakukan untuk memberitahu para semangat (*popoiho do miontong*) tentang sajian dan hidangan serta cara pemakaian yang akan dilakukan kepada *miontong* dalam proses persiapan menjamu sajian kepada para semangat. Acara ini dilakukan pada waktu tengah hari iaitu selepas semua *bobohizan* makan dan berehat. Ia dimulai dengan *bohungkitas* mengambil *kombuongoh* dan melafazkan *inait*. *Bobohizan* mengenakan semula pakaian ritual mereka iaitu kain sarung dan selendang yang disangkut bersilang di bahu. Serentak dengan itu juga paluan gong *sumazau* Penampang dimainkan semula dan *bobohizan* bersedia untuk acara *mundang* yang dimulai dengan *inait* di hadapan sajian atau *pamanta* dan babi.²² Pada masa ini *bobohizan* menggunakan padang di tangan kanan dan *sindavang* di tangan kirinya. Acara *mundang* dilakukan dengan menari *sumazau* sambil memegang padang mereka pada kedudukannya yang tertentu.

Inait yang dilafazkan oleh *bobohizan* semasa hendak memulakan acara *mundang* ini adalah komunikasi mereka dengan *Suminundu* atau *Huminodun*.²³ *Inait* yang dilafazkannya seolah-olah *bobohizan* akan berlagak aksi-aksi yang dilakukan oleh *Suminundu* atau *Huminodun*. Dalam interaksi tersebut, *bobohizan* dalam watak *Suminundu* atau *Huminodun* akan turun ke dunia nyata dan seterusnya menjadi saksi kepada keikhlasan manusia menyediakan sajian untuk dihidangkan kepada para semangat yang sedang menunggu dan aksi memegang *padang* menunjukkan kuasa yang ada pada kuasa supernatural (*supreme deities*) seolah-olah wujudnya kuasa yang luar biasa semasa ritual tersebut. Aksi-aksi seperti memegang *padang* yang ada padanya iaitu diletakkan di bahu dan kemudian diletakkan pada dahi seolah-olah memakai *sigah* (*headgear*). Aksi-aksi ini diteruskan dengan gerak hentakan kaki *sumazau*. Pada waktu ini para *bobohizan* memegang *padang* dengan lima posisi yang berbeza iaitu memegang *padang* pada paras bahu, paras kepala, paras dada, paras pinggang dan posisi menghunus. Kesemua posisi ini didahului dengan *inait* dan diikuti dengan *sumazau* disertai dengan posisi *padangnya* seperti berikut;

<i>Panam Sakok Ku Madi</i>	<i>Pedang di bahu</i>
<i>Panam Panok Ku Kazin</i>	<i>Pedang di bahu</i>
<i>Panam Siga Ok Ku Madi</i>	<i>Pedang di kepala</i>
<i>Panam Bidakok Ku Kazin</i>	<i>Pedang di kepala</i>
<i>Panam Gandazok Ku Madi</i>	<i>Pedang di dada</i>
<i>Panam Ingidok Ku Kazin</i>	<i>Pedang di dada</i>
<i>Panam Angkapok Ku Madi</i>	<i>Pedang di pinggang</i>
<i>Panam Kozinok Ku Kazin</i>	<i>Pedang di pinggang</i>
<i>Panam Kosudok Ku Madi</i>	<i>Pedang dihunus</i>
<i>Panam pogugon Ku Kazin</i>	<i>Pedang dihunus</i>

Semasa *bobohizan* beraksi sambil melakukan *sumazau* ini dipercayai dalam masa yang sama para semangat juga ikut sama *sumazau*. *Sumazau mundang* seharusnya dilakukan dengan serius dan penuh sakral kerana ia akan menentukan persetujuan para semangat menerima sajian-sajian yang dihidangkan. Dalam segmen ini aksi *sumazau* oleh *bobohizan* secara perlahan-lahan akan diganti oleh

semangat *miontong*. Semangat atau *miontong* perlu masuk ke dalam badan atau merasuk *bobohizan* untuk membolehkannya memberi sajian makanan dan minuman kepada semangat yang sudah menunggu. Apabila *bobohizan* berjaya dirasuki maka proses penyajian makanan dan minuman oleh *miontong* tersebut boleh diteruskan.

Pasasazau do Miontong

Pasasazau do Miontong atau *sumazau* oleh *miontong* (gambar 10) merupakan pertukaran sajian dan pemulihan antara manusia dan para semangat serta roh yang dilakukan oleh *miontong* melalui personifikasi *bobohizan* sambil menari *sumazau*. *Miontong* yang merasuki *bobohizan* menjadikan *bobohizan* berada dalam keadaan *nosuang* (kelupaan) dan mengambil alih keseluruhan proses memberi makan dan minum kepada roh dan semangat yang dipanggil sebagai *muzas do miontong*. Semasa *bobohizan* menari dalam kelupaan, semua gerakan dan aksi adalah dilakukan oleh *miontong*. *Miontong* melihat serta memeriksa senarai *pamanta* serta cuba merasa lalu memberikannya kepada semangat yang berbaris di sebelah babi tersebut. Gerak dan ragam tarian *sumazau* oleh *miontong* ini adalah pelbagai namun ia boleh dikawal oleh *bohungkitas*. Pada masa yang sama, *miontong* turut mengundang semangat lain (lelaki mahupun perempuan) untuk merasuk *bobohizan* tersebut, maka gerakan *sumazau* boleh bertukar dari gerak lelaki kepada gerak wanita dan sebaliknya. Terdapat beberapa gerak tarian *sumazau* yang dikenal pasti dari segmen ini seperti *mangambai* (melambai), *tumindak* (melompat), *sumihok* (melompat), *mimiliun* (berpusing), *mongonggom* (menggenggam sambil melambai bagi penari lelaki), *mongidai*, *mituka* (berselisih), namun begitu terdapat lebih banyak lagi gerak tari yang berlaku secara spontan bergantung kepada situasi dalam sesuatu ritual *monogit*. Antara gerakan-gerakan yang terdapat adalah gerakan mengambil sesuatu sajian yang merupakan perkakasan ritual yang terdiri daripada makanan, minuman, pakaian dan lain-lain yang dilakukan secara bergaya. Begitu juga aksi minum air *tapai* dan makan makanan yang disaji sambil *sumazau*. Terdapat juga aksi semasa *sumazau* ini yang meniru gaya binatang.

Mangambai dan *tumindak* merupakan gerak asas kepada tarian *sumazau*. Dalam *pasasazau do miontong*, *bobohizan* menari dengan mengangkat sedikit tumitkaki (*tumindak*) dan mengangkat tangan seperti melambai (*mangambai*). Walau bagaimanapun, apabila semangat (*miontong*) merasuki *bobohizan*, maka gerakan berubah kepada lompatan yang lebih tinggi dan cepat yang dipanggil *sumihok*. Pada ketika ini juga, terdapat banyak semangat yang diundang oleh *miontong* dan masuk silih berganti antara lelaki dan perempuan ke dalam badan *bobohizan*. Keadaan ini juga mempengaruhi gerakan tarian *sumazau* dengan melakukan *mangambai* yang berbeza. Jika semangat lelaki yang merasuk tarian *sumazaunya* lebih kasar dan gagah iaitu *mangambai* dilakukan dengan mengangkat tangan yang tinggi, manakala *mangambai* yang lebih lembut dan kedudukan tangan lebih rendah jika semangatnya adalah perempuan.

Oleh itu, pada masa *nosuang* (kerasukan) ini *bobohizan* tidak dapat mengawal semangat lain dari memasuki atau menumpang badannya kerana pada masa tersebut *miontong* menguasai segmen tersebut. Keadaan tersebut, menjadikan *pasasazau do miontong* begitu menarik kerana terdapatnya pelbagai gaya tarian *sumazau* yang ditarikan secara spontan. Secara umumnya boleh dibuat andaian bahawa *mangambai* adalah gaya *sumazau* oleh *miontong*.

Proses pemberian makanan dan minuman atau *popoinum* dan *papakan pamanta* merupakan acara kemuncak dalam ritual ini. Minuman yang disaji terdiri

daripada minuman tradisi yang menjadi kegemaran *miontong* dan semangat iaitu *talak*, *kinomol* dan *bahar*.²⁴ Manakala makanan yang diberikan terdiri daripada telur rebus, *sinasadan* (nasi *tapai*) dan ayam rebus, hati dan pedal ayam. Selain daripada makanan dan minuman, baju tradisi dan aksesori yang menjadi sebahagian *pamanta* turut dilihat dan diperiksa untuk ditunjukkan kepada para semangat. Ia menandakan *miontong* melakukan *mamasaan* (memakai) pakaian tersebut dan jika berpuas hati terus sambung menari sambil makan dan minum. Ada ketikanya, *bobohizan* (*miontong*) menari *sumazau* sambil melakukan aksi *momuhau* iaitu menjemput semangat lain yang masih berada di luar dengan menggamit tangannya dan diikuti dengan pemberian *sinasadan* sebagai simbolik memberi makan kepada semangat yang banyak itu.

Pada bahagian akhir *pasasazau do miontong* ini, *bobohizan* kelihatan menendang babi sehingga babi mengeluarkan bunyi erangan yang kuat. Simboliknya, *miontong* amat gembira dengan persembahan dan hidangan makanan tersebut. Ia juga menandakan persetujuan ke atas hidangan yang disaji yang mengesahkan ritual *monogit* diterima. Interaksi dan pertukaran (*pogohun*) dikatakan berlaku pada masa ini dengan pelbagai sajian oleh manusia dan sebagai ganti semangat manusia dikembalikan serta masyarakat tidak lagi diganggu dengan sebarang kesusahan.

Dalam *pasasazau do miontong* terdapat banyak gerakan *sumazau* yang merupakan gerakan spontan yang dilakukan dalam keadaan separuh sedar mahupun dalam kelupaan antaranya *mangambai*, *tumindak*, *sumihok*, *mimiliun*, *mongonggom*, *mongidai* dan *mituka*. Walau bagaimanapun, terdapat gerakan-gerakan yang tidak dinyatakan di atas yang lebih berupa gerakan spontan yang meniru gaya atau imitasi semangat dan juga binatang yang muncul semasa berlangsungnya acara *pasasazau do miontong* itu. Gerakan-gerakan yang dinamakan di atas kini merupakan gerak-gerak utama dalam tarian *sumazau* Penampang yang terus dipertahankan.

Sumazau Hoputan

Segmen *hoputan* (gambar 11) adalah proses membakar dan meletupkan buluh muda oleh *bobohizan* sebagai simbol mengeluarkan atau menghantar balik roh dan semangat dari kawasan ritual. Ia dilakukan oleh *bobohizan*²⁵ sambil menari *sumazau* dengan memegang daun *hisad* di tangan kiri, *sindavang* dan padang di sebelah kanan. Letupan buluh tersebut menandakan semangat berjaya dihantar keluar yang disambut dengan jeritan (*pangkis*) kegembiraan oleh orang ramai sambil *bobohizan* terus *sumazau* sehingga acara selesai. Lebih kuat letupannya lebih jauh semangat tersebut dapat dihantar. Tarian *sumazau* ketika ini bersifat sederhana dengan hanya mengengjut-engjutkan kaki atau *mintindak* dengan tangan memegang peralatan ritual serta *inait* dilafazkan. *Pangkis* atau teriakan kejayaan ini juga turut menjadi salah satu ciri dalam persembahan *sumazau* Penampang.

Proses *sumazau hoputan* ini menandakan bahawa ritual telah sampai ke penghujungnya dan dengan adanya letupan buluh tersebut seolah-olah semua pihak iaitu semangat di alam spiritual dan manusia alam nyata telah berdamai. Kesemua hajat yang ingin dicapai seperti menjamu *miontong* (semangat penjaga rumah) dan semangat lain agar memberikan keselesaan dan kebahagiaan hidup kepada keluarga dan masyarakat serta memastikan padi di sawah boleh tumbuh tanpa diganggu oleh pelbagai penyakit padi.

Gambar 8: *Sumazau magampa* dengan gerakan simbolik untuk pemulihan penyakit.



Gambar 9: *Sumazau mundang* proses pemberitahuan *pamanta* yang dihidangkan.



Gambar 10: *Pasasazau do miontong* - memberi makan kepada roh dan semangat.



Gambar 11: *Sumazau hoputan* untuk menghantar keluar semangat dari kawasan ritual.



Gambar 8-11: Kajian lapangan pengkaji.

PENUTUP

Gabungan elemen-elemen seni persembahan dalam ritual *monogit* memperlihatkan peranan paluan *gandang*, *sompogogungan* dan tarian *sumazau* menjadi perkakasan yang amat penting dan signifikan. Tanpa adanya peralatan dan elemen-elemen ini ritual tidak akan sampai kemuncaknya dan hasrat penyatuan alam nyata dan alam spiritual tidak akan tercapai. Elemen-elemen yang ditonjolkan dalam segmen-segmen yang ada kaitan dengan seni persembahan ritual ini dianggap sebagai perkakasan ritual yang digunakan sebagai penghubung (*conduit*) antara manusia dengan semangat di alam spiritual yang jelas menunjukkan berlakunya drama antara mereka yang bermula dan berkembangnya krisis tersebut. Melalui kajian kes ritual *monogit* telah memberikan ilustrasi yang jelas di mana muzik *sompogogungan* amat penting yang mempunyai implikasi sosial dan spiritual seolah-olah wujudnya penjelmaan semangat daripada alam spiritual di sepanjang ritual dan petandanya melalui paluan *gandang* dan *sompogogungan* serta tarian *sumazau*. Keberadaan segmen-segmen yang menggunakan *gandang*, *sompogogungan* dan tarian *sumazau* dapat memperkasakan lagi proses ritual dan seni persembahan tradisional.

Dalam ritual *monogit* peranan *gandang* menghantar mesej ke alam spiritual bahawa ritual akan diadakan dan para semangat harus bersedia untuk mengambil bahagian apabila diundang. Oleh itu, jika tiada *gandang*, maka ritual akan menemui kegagalan. Muzik *sompogogungan* juga sangat signifikan kerana ia bukan sahaja berperanan sebagai menyokong tarian *sumazau* tetapi sebagai elemen untuk mempercepatkan interaksi antara alam nyata dan alam spiritual serta mendramakan proses ritual dengan lebih berkesan. Penyatuan dalam ritual ini bermaksud bahawa tujuan ritual telah dicapai dan semua proses untuk memulihkan penyakit manusia, penyucian serta kesejahteraan hidup dan kesuburan padi akan dapat dicapai dengan lebih cepat lagi. Ringkasnya, muzik *sompogogungan* dan persembahan tarian *sumazau* bukan semata-mata sebagai genre seni persembahan yang indah, namun ia mempunyai maksud yang lebih dalam yang bersifat sakral iaitu sebagai perkakasan untuk penyatuan manusia dengan alam spiritual.

Walau bagaimanapun, apa yang dianggap paling sakral dan mempunyai kuasa luar biasa sebagai penghubung kepada kedua-dua alam ini tidak lagi mempunyai pengertian yang mendalam. Salah satu sebabnya adalah modenisasi dan perubahan sosial yang berlaku di kalangan komuniti ini dengan begitu cepat telah menghapus kepercayaan ini. Penanaman padi tidak lagi menjadi utama dan diusahakan dengan menggunakan teknologi baru. Ia sekali gus mengurangkan amalan dan kepercayaan budaya padi yang telah diamalkan sejak zaman nenek moyang lagi. Pada masa kini, terdapat hanya beberapa buah keluarga Kadazan di Penampang yang masih mengamalkan ritual *monogit* ini dan generasi muda kini tidak lagi ingin mengambil tahu tentangnya yang dianggap ketinggalan zaman dan bertentangan dengan agama baru yang dianuti.

Penerusan seni persembahan dari ritual ini dapat dilihat dalam bentuk persembahan tarian *sumazau* dalam bentuk baru tetapi masih mengekalkan elemen-elemen asasnya. Proses difusi dan adaptasi serta pengaruh koreografi berkonsep baru dalam seni persembahan tarian *sumazau* juga telah melenyapkan erti kata dan pengertian yang ia berasal daripada ritual ini. Walau bagaimanapun, kesinambungan seni persembahan ini menjadi representasi dan ikon budaya komuniti Kadazan pada masa kini. Ia sesuai dengan pendapat George Appell²⁶ bahawa untuk penghayatan generasi masa kini kesinambungan seni persembahan daripada ritual perlu ditonjolkan bagi memartabatkan budaya. Oleh itu ia akan terus dikenali oleh masyarakat tempatan dan luar dengan terus mendengar dan memainkan muzik lama pada masa sekarang dan terus menarik tarian tradisi pada masa akan datang.

NOTA HUJUNG

¹ Schechner, Richard, 2002, *Performance Studies: An Introduction*, London and New York: Routledge-Taylor & Francis Group, hal: 22.

² Goffman, Erving, 1959, *The Presentation of Self in Everyday Life*, Gardern City, N.Y: Doubleday, hal: 15-16.

³ Ibid.

⁴ Turner, Victor, 1998, *The Anthropology of Performance*, New York: PAJ Publications (A Division of Performing Arts Journal, Inc), hal: 39.

⁵ Komuniti Kadazan Penampang menyebut gendang sebagai *gandang*.

⁶ Matusky, Patricia & Tan Sooi Beng, 1997, *Muzik Malaysia: Tradisi Klasik, Rakyat Dan Sinkretik*, Pulau Pinang & Kuala Lumpur: The Asian Centre & Akademi Seni Kebangsaan, hal: 142.

⁷ Alat ritual yang berfungsi seperti loceng diperbuat daripada metal.

⁸ Bakul kecil yang diisi dengan peralatan ritual yang lebih kecil

⁹ Mungkin semasa acara *tumingak* tersebut berlakunya keadaan di mana *bobohizan* tidak mengingati nama-nama semangat yang banyak dan mereka tidak dipanggil untuk turun dan menyertai ritual.

¹⁰ Daripada pemerhatian ke atas dua ritual *monogit* (2001 & 2004), *mihung* dimulakan pada jam 8.30 pagi setelah babi yang dipelihara selama 2-3 tahun dibawa masuk ke tempat ritual.

¹¹ Charuruk, Irene-Benggon & Padasian, Janette, 1997, *Cultures, Customs And Traditions of Sabah, Malaysia: An Introduction*, Kota Kinabalu: Sabah Tourism Promotion Corporation, hal: 51-55.

¹² Masyarakat Kadazandusun memanggil gong-gong gantung yang kecil sebagai *sanang* (Bahasa Melayu: canang) manakala yang besar sebagai *tawag*.

¹³ Gong dalam konteks sosial dan ekonomi sehingga kini menjadi komoditi yang paling dihargai dan dijaga kerana nilainya semakin hari semakin mahal. Suatu ketika dahulu gong juga dijadikan sebagai sebahagian daripada hantaran perkahwinan dan satu kemestian serta pengukur kepada status komuniti Kadazan. Sehingga kini, di kalangan masyarakat Kadazan mereka dapat mengesan sesiapa yang mempunyai jenis gong yang mahal ia mempunyai nada yang paling baik. Ianya menjadi buah mulut orangramai sekiranya keluarga tersebut mempunyai jenis gong yang terbaik dan termahal dan dijadikan sebagai pengukur terhadap status dan kedudukan keluarga tersebut di kawasan kampung mereka.

¹⁴ Matusky, Patricia & Tan Sooi Beng, 1997, *Muzik Malaysia: Tradisi Klasik, Rakyat Dan Sinkretik*, Pulau Pinang & Kuala Lumpur: The Asian Centre & Akademi Seni Kebangsaan, hal: 142.

¹⁵ Hanafi Hussin & Judeth John Baptist, "Traditional Dances of Sabah," dalam *Karnival Kebudayaan* (ed. Noni J. Said, Judeth John Baptist), Kementerian Belia Dan Sukan Sabah, Kota Kinabalu, 2003, hal. 30.

¹⁶ *Momihangga* merupakan segmen dalam ritual *monogit* untuk mengumpul dan membuang penyakit, mimpi buruk, sial dan bencana yang menimpa keluarga serta masyarakat kampung. Di dalam segmen ini terdapatnya beberapa acara kecil seperti *mindau do tana'* dan *magampa*.

¹⁷ Acara membakar buluh sehingga meletup menandakan ritual *monogit* berjaya kerana semangat berpuas hati dengan makanan dan minuman yang disajikan. Jika ia tidak meletup maka dipercayai kemalangan akan berlaku. Untuk mengelakkannya, tuan rumah diwajibkan membayar denda atau *sogit*.

¹⁸ Mengumpul dan membuang sial, mimpi buruk dan penyakit yang ada pada keluarga.

¹⁹ Mempersembahkan sajian kepada para semangat.

²⁰ Merupakan tarian sumazau *miontong*. Ia ditarikan oleh *bobohizan* semasa memberi makan dan minuman kepada para semangat. Pada masa ini *bobohizan* menari dalam keadaan tidak sedarkan diri kerana *miontong* dan lain-lain semangat merasuk Bobohizan dan segmen ini merupakan *sumazau miontong* memberi sajian (*pamanta*) kepada semangat.

²¹ Semasa melakukan *hoputan*, kesemua *bobohizan* menunggu buluh meletup dengan melafazkan *inait* sambil *sumazau*.

²² Dalam ritual ini babi boleh dibawa masuk asalkan tidak dibawa naik ke atas rumah berkenaan. Ini untuk mengelakkan agar semangat jahat daripada ikut masuk. Selain daripada dijadikan binatang korban, ia juga menjadi sempadan antara dunia manusia dan alam spiritual. Di dalam segmen *mundang* dan *pasasazau do miontong* dipercayai semangat sudah siap berbaris di sebelah babi tersebut untuk menikmati sajian untuk mereka.

²³ Bagi Kadazan Penampang, *Huminodun* merupakan nama kedua bagi *Suminundu* iaitu isteri *Kinoingan* (temu bual dengan Inai Jinggunis, *bobohizan* Kadazan-Potiang).

²⁴ *Talak*, *kinomol* dan *bahar* merupakan minuman tradisi komuniti Kadazandusun di Sabah.

²⁵ Pembakaran buluh tersebut dikendalikan oleh *bohunkitas* dan ketua rumah. Dua batang buluh tersebut dibilas dengan menggunakan *popodsu* yang dibasahkan dengan air sambil melafazkan *inait*.

²⁶ Appell, George, N., 1986, *Sabah Society Journal*, Vol: VIII, No 2, Kota Kinabalu: Sabah Society.